

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS DATA DAN DAPATAN**

#### **Pendahuluan:**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah dan kesannya kepada sikap guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran. Di samping itu, kajian ini juga telah melihat apakah kecenderungan dan kepercayaan pengetua terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah yang telah mempengaruhi amalan dan operasi ke arah sesuatu pendekatan penyeliaan pengajaran.

Sejauh mana amalan yang dimainkan oleh pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah dapat dilihat dari segi kecenderungan dan kepercayaan terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah serta kekerapan pengetua mengamalkan sesuatu tindakan dalam aspek penyeliaan pengajaran tersebut di sekolah. Sikap guru-guru terhadap amalan penyeliaan pengajaran oleh pengetua pula dilihat dari segi tanggapan guru tentang apakah yang diperlukan, inginkan dan dapat daripada penyeliaan pengajaran tersebut serta penerimaan guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah sama ada positif atau negatif.

Penganalisan data dijalankan dengan menggunakan program perisian 'Statistical Package For The Social Science' (SPSS) versi 7.5. Untuk kajian ini pengkaji hanya menggunakan analisis statistik deskriptif iaitu frekuensi dan peratus untuk menjawab soalan kajian.

Analisis data dalam bahagian ini dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu:

1. Analisis mengenai latar belakang sampel;
2. Persepsi responden tentang apakah yang diperlukan, inginkan dan dapat daripada penyeliaan pengajaran di sekolah yang dikumpul secara kualitatif;
3. Persepsi responden terhadap amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah;
4. Tanggapan dan sikap responden terhadap amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah; dan
5. Kecenderungan dan kepercayaan pengetua dalam amalan penyeliaan pengajaran di sekolah.

#### **Analisis Latar Belakang Sampel:**

Bilangan kesemua responden yang menjadi sampel kajian ini ialah 26 orang guru yang terdiri daripada seorang pengetua, ketiga-tiga penolong kanan, semua ketua bidang mata pelajaran, semua ketua panitia mata pelajaran dan guru-guru mata pelajaran yang dipilih secara rawak yang mewakili semua tingkatan, iaitu dari tingkatan I hingga V.

Jadual 1

Bilangan responden mengikut jantina

Jantina	Responden	
	Bilangan	Peratus
Lelaki	6 + *1	26.9
Perempuan	19	73.1
Jumlah	26	100.0

\* Pengetua.

Jadual 1 menunjukkan daripada keseluruhan responden, seramai 7 orang (26.9 peratus) adalah responden lelaki manakala 19 orang (73.1 peratus) adalah responden perempuan.

Jadual 2.

Bilangan responden mengikut kumpulan umur.

Kumpulan umur	Responden	
	Bilangan	Peratus
Kurang 30 tahun	3	11.5
30 – 34 tahun	6	23.1
35 – 39 tahun	4	15.4
40 – 45 tahun	5	19.2
Lebih 45 tahun	8	30.8
Jumlah	26	100.0

Jadual 2 menunjukkan kumpulan responden yang paling ramai ialah yang berumur lebih 45 tahun iaitu 8 orang (30.8 peratus) dan diikuti dengan kumpulan umur antara 30 – 34 tahun seramai 6 orang (23.1 peratus), kumpulan umur antara 40 – 45 tahun seramai 5 orang (19.2 peratus), kumpulan umur antara 35 – 39 tahun iaitu seramai 4 orang (15.4 peratus) dan kumpulan berumur kurang 30 tahun seramai 3 orang (11.5 peratus).

Jadual 3

Bilangan responden mengikut kelulusan akademik.

Kelulusan	Responden	
	Bilangan	Peratus
SPM/MCE/SC/SPVM	-	-
STPM/HSC	1	3.8
Diploma	1	3.8
Ijazah	24	92.4
Jumlah	26	100.0

Jadual 3 menunjukkan bilangan responden mengikut kelulusan akademik. Hampir kesemua responden berkelulusan peringkat ijazah iaitu seramai 24 orang (92.4 peratus) manakala selebihnya berkelulusan STPM atau HSC dan Diploma masing-masing seramai 1 orang (3.8 peratus).

Jadual 4  
Bilangan responden mengikut kelulusan profesional.

Kelulusan	Responden	
	Bilangan	Peratus
Sijil Perguruan	1	3.8
Diploma Pendidikan	23	88.5
Ijazah Pendidikan	2	7.7
Jumlah	26	100.0

Jadual 4 menunjukkan bilangan responden mengikut kelulusan profesional yang dimiliki. Didapati responden paling ramai memiliki kelulusan profesional peringkat Diploma Pendidikan iaitu seramai 23 orang (88.5 peratus) dan diikuti dengan yang memiliki kelulusan Ijazah Pendidikan iaitu seramai 2 orang (7.7 peratus) dan akhir sekali yang memiliki kelulusan peringkat Sijil Perguruan iaitu seramai 1 orang (3.8 peratus). Ini menunjukkan kebanyakan responden menerima latihan profesional mereka di peringkat universiti.

Jadual 5

Bilangan responden mengikut kategori jawatan.

Kategori	Responden	
	Bilangan	Peratus
DG 6	1	3.8
DG 5	-	-
DG 4	-	-
DG 3	20	76.9
DG 2	5	19.3
Jumlah	26	100.0

Jadual 5 menunjukkan bilangan responden mengikut jawatan. Didapati kumpulan guru berijazah iaitu yang berjawatan kategori DG 3 dan DG 2 merupakan kumpulan yang paling ramai iaitu bagi kategori DG 3 ialah seramai 20 orang (76.9 peratus) manakala bagi kategori DG 2 ialah seramai 5 orang (19.3 peratus). Selebihnya ialah 1 orang yang berjawatan kategori DG 6 (3.8 peratus).

Jadual 6

Bilangan responden mengikut taraf jawatan.

Taraf Jawatan	Responden	
	Bilangan	Peratus
Sandaran (terlatih)	-	-
Percubaan	-	-
Disahkan dalam jawatan	1	3.8
Tetap dan Berpencen	25	96.2
Jumlah	26	100.0

Didapati daripada jadual 6 hampir kesemua responden berada pada taraf jawatan yang tetap dan berpencen iaitu seramai 25 orang (96.2 peratus) dan hanya seorang responden sahaja (3.8 peratus) berada pada taraf jawatan yang disahkan.

Jadual 7

Bilangan responden mengikut pengalaman mengajar.

Pengalaman	Responden	
	Bilangan	Peratus
Kurang 3 tahun	1	3.8
3 – 5 tahun	2	7.7
6 – 10 tahun	6	23.1
11 – 15 tahun	4	15.4
Lebih 15 tahun	13	50.0
Jumlah	26	100.0

Didapati dalam Jadual 7 separuh daripada bilangan responden iaitu 13 oarang (50.0 peratus) berpengalaman lebih dari 15 tahun. Didapati juga seramai 6 orang (23.1 peratus) berpengalaman antara 6 – 10 tahun. Selebihnya ialah 4 orang (15.4 peratus) yang mempunyai pengalaman mengajar antara 11 – 15 tahun, 2 orang (7.7 peratus) antara 3 – 5 tahun pengalaman mengajar dan seorang (3.8 peratus) yang mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 3 tahun.

Jadual 8

Bilangan responden mengikut mata pelajaran diajar.

Mata pelajaran	Responden	
	Bilangan	Peratus
B.Malaysia/B. Inggeris/Sastera	6	23.1
Sejarah/Geografi	4	15.4
Sains/Matematik	4	15.4
Ekonomi/Perakaunan/Perdagangan	2	7.7
Kemahiran Hidup/Sains Rumah Tangga	3	11.5
P.Jasmani/Kesihatan	2	7.7
Seni Lukis/Muzik	2	7.7
Pendidikan Agama Islam/Moral	3	11.5
Jumlah	26	100.0

Daripada Jadual 8 di atas didapati bilangan responden mengikut mata pelajaran agak seimbang. Seperti biasa kumpulan yang paling ramai responden ialah yang mengajar Bahasa dan Sastera iaitu seramai 6 orang (23.1 peratus) dan ini diikuti oleh responden yang mengajar mata pelajaran Sejarah/Geografi dan Sains/Matematik iaitu masing-masing seramai 4 orang (15.4 peratus), responden yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup/Sains Rumah Tangga dan Pendidikan Agama Islam yang masing-masing seramai 3 orang (11.5 peratus) dan akhir sekali ialah responden yang mengajar mata pelajaran Ekonomi/Perakaunan/Perdagangan, Pendidikan Jasmani/Kesihatan dan Seni Lukis/Muzik masing-masing seramai 2 orang (7.7 peratus).

Jadual 9

Bilangan responden mengikut tingkatan diajar.

Tingkatan	Responden	
	Bilangan	Peratus
Menengah Rendah	14	53.8
Menengah Atas	12	46.2
Jumlah	26	100.0

Jadual 9 jelas menunjukkan bahawa bilangan responden mengikut tingkatan yang diajar adalah agak seimbang iaitu seramai 14 orang (53.8 peratus) mengajar tingkatan I, II dan III manakala selebihnya iaitu 12 orang (46.2 peratus) mengajar tingkatan IV, V dan IV.

Jadual 10

Bilangan responden mengikut jumlah kursus dalam perkhidmatan yang dihadiri.

Bilangan Kursus	Responden	
	Bilangan	Peratus
Tidak pernah	1	3.8
Kurang 3 kali	8	30.8
4 – 6 kali	11	42.3
7 – 9 kali	5	19.3
10 kali dan lebih	1	3.8
Jumlah	26	100.0

Jadual 10 di atas menunjukkan bahawa terdapat seorang responden (3.8 peratus) yang tidak pernah menghadiri apa-apa kursus dalam perkhidmatan yang berkaitan dengan pengajaran. Kebanyakannya iaitu seramai 11 orang (42.3 peratus) telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan yang ada kaitan dengan pengajaran antara 4 hingga 6 kali. Selebihnya ialah seramai 8 orang (30.8 peratus) telah menghadiri kursus tersebut kurang 3 kali, manakala 5 orang (19.3 peratus) telah menghadiri kursus ini antara 7 hingga 9 kali, dan seorang (3.8 peratus) telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan lebih daripada 10 kali.

**Persepsi Responden Tentang Apakah Yang Diperlukan, Inginkan dan Dapat Daripada Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah Yang Dikumpul Secara Kualitatif:**

Di dalam kategori Penyeliaan Pada Situasi Terbaik, responden telah menulis dan menjelaskan melalui karangan pendek dengan spontan dan pantas tentang lima sub-kategori yang telah dikenal pasti dan diberikan terlebih dahulu oleh pengkaji bagi tujuan penyelarasan analisis maklumat dalam penulisan tersebut. Lima sub-kategori tersebut ialah penyeliaan sebagai pengiktirafan keupayaan dan kebolehan guru, penurunan kuasa

kepada guru di dalam bilik darjah, sesuatu yang dapat dilihat pada masa itu, suatu yang dapat membimbing dan membantu dan alat kepada peningkatan profesionalisme. Dibalikannya bagi Penyeliaan Pada Situasi Terburuk lima subkategori ialah penyeliaan sebagai suatu pertunjukan dan lakonan, satu senjata untuk sesuatu tindakan selanjutnya, tidak berfaedah dan kerja harian yang tidak dapat dilihat, sesuatu yang telah ditetapkan seperti “check-list” dan sesuatu yang tidak diinginkan dan mengganggu.

Jadual 11

Bilangan responden yang menggambarkan penyeliaan pengajaran pengetua mengikut subkategori yang ditetapkan.

Subkategori	Responden	
	Bilangan (n=26)	Peratus
<b>Penyeliaan Pada Situasi Terbaik</b>		
Pengiktirafan	19	76.9
Penurunan kuasa	9	34.6
Kehadiran yang kelihatan	5	19.2
Bimbingan	15	57.7
Profesionalisme	4	15.4
<b>Penyeliaan Pada Situasi Buruk</b>		
Satu pertunjukan	19	76.9
Senjata	11	42.3
Tidak berfaedah	9	34.6
Satu ‘check-list’	12	46.2
Gangguan yang tidak dijemput	1	3.8

Jadual 11 menunjukkan tentang sikap dan persepsi responden terhadap keadaan penyeliaan pengajaran di sekolah. Bagi Penyeliaan Pada Situasi Terbaik didapati majoriti responden mengatakan penyeliaan pengajaran pada waktu terbaik ialah apabila pengetua sentiasa memberi galakan dan pengiktirafan kepada guru-guru. Pengiktirafan

meningkatkan keyakinan guru-guru untuk lebih berusaha dan maju. Sebagai contoh, seorang responden mengatakan:

Pengetua selalu memuji cara dan teknik pengajaran yang digunakannya. Beliau seterusnya memberi beberapa contoh terbaik apa yang saya lakukan. Kemudiannya, beliau memberi cadangan dan nasihat. Saya tidak pernah berasa rendah diri apabila bersama beliau.

Seorang responden lain pula menulis:

Pengetua saya sentiasa manis muka apabila menyelia saya. Beliau akan bergurau jika terdapat sesuatu yang melucukan apabila dalam perbincangan. Saya cukup gembira dan bangga apabila beliau memuji saya. Ini membuat saya untuk terus melakukan yang lebih baik.

Bagi subkategori bimbingan dalam Penyeliaan Pada Situasi Terbaik, didapati 15 orang (57.7 peratus) mengatakan dalam tulisan mereka bahawa pengetua sentiasa membimbing mereka sewaktu penyeliaan pengajaran. Responden juga mengatakan bahawa pengetua akan berusaha untuk menyelesaikan masalah berhubung pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Seramai 9 orang responden (34.6 peratus) mengatakan bahawa penyeliaan yang baik ialah pengetua yang memberi sepenuh kebebasan dan kuasa kepada mereka untuk melakukan perubahan dan peningkatan pengajaran di bilik darjah. Ini akan memudahkan mereka untuk merancang sendiri program pengajaran bagi tujuan peningkatan pencapaian pelajar.

Dapatan juga menunjukkan bahawa 5 orang responden (19.2 peratus) mengatakan bahawa pengetua sentiasa kelihatan duduk di belakang kelas untuk menyelia. Selepas itu, beliau akan berbual dengan pelajar tentang pengajaran guru pada hari itu.

Bagi aspek profesionalisme, 4 orang responden (15.4 peratus) menulis mengatakan bahawa pengetua cukup profesional dalam menjalankan penyeliaan pengajaran. Beliau mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang tinggi dan cadangannya cukup bernas.

Bagi Penyeliaan Pada Situasi Yang Buruk, didapati majoriti responden iaitu 19 orang (76.9) menulis dengan mengatakan yang penyeliaan pengajaran hanyalah semata-mata satu pertunjukan untuk dilakonkan oleh guru-guru dan pelajar kepada pengetua tentang pengajaran di bilik darjah. Ada responden yang menulis bahawa perjalanan pengajaran pada hari penyeliaan telah pun dibuat latihan dan raptai sebelum itu bagi menunjukkan langkah yang betul dan sempurna. Ini adalah satu kepalsuan. Responden juga menjelaskan dalam penulisan mereka bahawa jika tiada penyeliaan maka perjalanan pengajaran akan berlainan. Begitulah seterusnya, sementara menunggu penyeliaan pengajaran yang akan datang dilakukan.

Selain itu, seramai 12 orang responden (46.2 peratus) menulis tentang penyeliaan pada waktu keburukan ialah penyeliaan itu hanyalah untuk melihat guru-guru melakukan senarai semak yang telah ditetapkan oleh pengetua bagi pengajaran di bilik darjah. Sesiapa yang tidak menurut atau mengikut senarai semak tersebut akan dianggap tidak cekap, berkesan dan berkebolehan. Sebaliknya, jika guru menurut dan mengikut kehendak arahan tersebut maka guru itu akan diberi pelbagai ganjaran dan peningkatan. Ini adalah suatu yang amat buruk dan tidak baik yang sepatutnya tidak berlaku dalam penyeliaan. Keadaan ini akan mengongkong kreativiti guru dan amat rigid.

Seramai 11 orang responden (42.3 peratus) mengatakan pengetua menjadikan penyeliaan pengajaran sebagai satu senjata untuk menakutkan dan mengugut guru-guru tentang penilaian prestasi tahunan mereka. Ini menjadikan penyeliaan pengajaran di bilik darjah sesuatu yang amat mencemaskan.

Terdapat 9 orang responden (34.6 peratus) mengatakan bahawa mereka tidak nampak keberkesanan penyeliaan pengajaran. Ia adalah sesuatu yang tidak berfaedah yang tidak membantu apa-apa perkembangan guru-guru.

Dan akhir sekali, hanya seorang sahaja responden (3.8 peratus) mengatakan yang penyeliaan pengajaran itu sebagai gangguan yang tidak dijemput. Responden menjelaskan bahawa setiap kali pengetua masuk untuk menyelia, keadaan pengajaran akan menjadi tidak menentu dan tumpuan pelajar akan terganggu terhadap pengajaran.

Kesimpulannya, jika diamati maklumat dan dapatan ini majoriti responden mempunyai sikap dan persepsi yang negatif terhadap amalan pengetua sebagai penyelia di sekolah.

#### **Persepsi Responden Terhadap Amalan Pengetua Sebagai Pemimpin Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah:**

Amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah adalah berdasarkan persepsi keseluruhan responden mengikut kekerapan sesuatu amalan penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh pengetua sebagai pemimpin penyeliaan.

Jadual 12

Taburan keseluruhan persepsi responden tentang amalan pengetua melaksanakan program kurikulum di sekolah.

	Kekerapan (%)		
	S	KK	TP
Amalan melaksanakan program kurikulum di sekolah.	33.3	54.3	12.4

Petunjuk: S=Selalu, KK=Kadang-kadang, TP=Tidak Pernah

Jadual 12 di atas jelas menunjukkan bahawa, pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran telah melaksanakan program kurikulum di sekolah pada peringkat 'kadang-kadang' sahaja mengikut kebanyakan responden iaitu 54.3 peratus. Selebihnya, itu 33.3 peratus responden mengatakan amalan ini pada peringkat 'selalu' dan 12.4 peratus responden mengatakan pengetua 'tidak pernah' melaksanakan amalan ini. Ini juga menunjukkan yang pengetua sebagai pemimpin penyeliaan ada melaksanakan program kurikulum di sekolah.

Jadual 13

Taburan kekerapan setiap amalan pengetua dalam melaksanakan program kurikulum di sekolah.

Perkara	Kekerapan (%)		
	S	KK	TP
Memberi cadangan dan buah fikiran untuk mempertingkatkan prestasi pengajaran guru	39.9	56.3	3.8
Membimbing guru menggunakan teknik pengajaran yang berkesan	30.8	61.5	7.7
Memastikan setiap guru memahami aspek-aspek asas dalam pengajaran dan memahami sukatan pelajaran yang diajar	46.2	42.3	11.5
Membantu guru menyelesaikan masalah yang ada kaitan dengan tugas pengajaran mereka	38.5	57.7	3.8
Membantu guru merancang pengajaran bagi tujuan mencapai matlamat yang dikehendaki	23.1	61.5	15.4
Membantu guru memilih dan menentukan aktiviti-aktiviti pengajaran yang sesuai	15.4	65.4	19.2
Membantu guru menilai keberkesanan pengajaran yang telah mereka jalankan	19.2	61.6	19.2
Menyediakan laporan pelaksanaan program kurikulum di sekolah	30.8	61.6	7.6
Membuat cadangan untuk perubahan program kurikulum di sekolah	42.3	53.8	3.9
Memeriksa buku rekod mengajar guru	100.0	-	-
Memeriksa buku latihan pelajar	7.6	46.2	46.2
Menghadiri mesyuarat panitia mata pelajaran	7.7	76.9	15.4
Mencerap guru mengajar di dalam kelas	30.8	61.5	7.7

Petunjuk: S=Selalu, KK=Kadang-kadang, TP=Tidak Pernah

Jadual 13 menunjukkan kekerapan amalan penyeliaan pengetua dalam melaksanakan program kurikulum di sekolah. Didapati yang paling 'selalu' dilakukan oleh pengetua di sekolah dalam melaksanakan program kurikulum di sekolah ialah amalan memeriksa buku rekod mengajar guru iaitu 100.0 peratus mengatakannya 'selalu. Ini diikuti dengan amalan pengetua dalam memastikan guru-guru memahami kandungan sukatan pelajaran yang digunakan iaitu 46.2 peratus responden mengatakan 'selalu'. Didapati juga 42.3 peratus responden mengatakan pengetua selalu melakukan amalan membuat cadangan untuk perubahan program kurikulum di sekolah dan 39.9 peratus responden mengatakan pengetua selalu memberi cadangan dan buah fikiran. Lain-lain dapatan yang menarik ialah paling sedikit responden iaitu 7.6 peratus mengatakan pengetua selalu memeriksa buku latihan pelajar dan juga 7.7 peratus responden mengatakan pengetua selalu menghadiri mesyuarat panitia mata pelajaran. Dapatan lain menunjukkan tidak ramai responden mengatakan pengetua selalu melakukan amalan-amalan lain seperti dalam Jadual 13.

Analisis juga menunjukkan paling ramai responden mengatakan pengetua hanya kadang-kadang sahaja melakukan amalan menghadiri mesyuarat panitia mata pelajaran dan begitu juga perkara-perkara yang lain. Terketara juga pola amalan pengetua terhadap penyeliaan pengajaran bagi semua aspek dalam melaksanakan program kurikulum di sekolah adalah pada tahap sederhana dan pada peringkat amalan 'kadang-kadang' seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13.

Satu hal yang perlu diberi perhatian oleh pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran ialah aspek memeriksa buku latihan pelajar. Didapati paling ramai responden iaitu 46.2 peratus mengatakan pengetua tidak pernah melakukan amalan ini.

Jadual 14

Taburan keseluruhan persepsi responden tentang amalan pengetua mempertingkatkan perkembangan guru di sekolah.

	Kekerapan (%)		
	S	KK	TP
Amalan mempertingkatkan perkembangan guru di sekolah.	26.2	54.2	19.6

Petunjuk: S=Selalu, KK=Kadang-kadang, TP=Tidak Pernah

Jadual 14 menunjukkan persepsi keseluruhan responden berhubung amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan di sekolah dalam mempertingkatkan perkembangan guru. Didapati seramai 26.2 peratus responden mengatakan pengetua selalu melakukan amalan ini, 54.2 peratus responden mengatakan hanya kadang-kadang melakukan amalan ini dan 19.6 peratus responden mengatakan pengetua tidak pernah melakukan amalan ini. Persepsi guru tentang amalan ini juga pada keseluruhannya ialah pada peringkat yang sederhana sahaja.

Kekerapan amalan ini dapat dilihat dengan lebih terperinci di dalam Jadual 15.

Jadual 15

Taburan kekerapan setiap amalan pengetua dalam mempertingkatkan perkembangan guru di sekolah.

Perkara	Kekerapan (%)		
	S	KK	TP
Menunjukkan sifat 'sense of humor' sewaktu menjalankan aktiviti penyeliaan seperti memberi panduan dan penerangan.	19.2	61.6	19.2
Menunjukkan cara penggunaan bahan pengajaran serta strategi pengajaran baru	11.5	65.4	23.1
Memberi dan menyampaikan maklumat kepada guru mengenai peluang-peluang untuk memperbaiki taraf profesionalisme mereka	42.3	53.9	3.8
Membantu guru dalam membina keyakinan diri sewaktu menyampaikan pengajaran	11.5	57.7	30.8
Memaklumkan kepada guru mengenai hasil sesuatu seminar atau kursus yang telah dihidirinya	34.6	53.9	11.5
Memberikan dorongan dan peluang bagi membolehkan sesama guru mengadakan perbincangan mengenai kerjaya mereka	42.3	50.0	7.7
Memberikan maklum balas kepada setiap orang guru setelah mencerap pengajaran di dalam kelas	38.5	57.7	3.8
Menggalakkan guru-guru mengguna dan mengembangkan cara pengajaran mereka sendiri	23.1	65.4	11.5
Mengambil inisiatif menganjur atau menjalankan sesuatu penyelidikan di sekolah	26.9	53.9	19.2
Membuat demonstrasi pengajaran kepada guru di dalam kelas	7.7	26.9	65.4
Mengatur dan menganjurkan program ceramah, bengkel, seminar dan kursus mengenai pengajaran dan kurikulum di sekolah	30.8	50.0	19.2

Petunjuk: S=Selalu, KK=Kadang-kadang, TP=Tidak Pernah

Jadual 15 menunjukkan amalan pengetua yang paling kerap ialah menyampaikan maklumat tentang peluang-peluang peningkatan profesionalisme kepada guru dan menggalakkan perbincangan sesama guru mengenai kerjaya mereka. Bilangan responden yang mengatakan 'selalu' bagi amalan ini ialah 42.3 peratus. Ini diikuti dengan amalan memberi maklum balas selepas dicerap iaitu 38.5 peratus responden mengatakan 'selalu'. Pengetua juga didapati selalu memaklumkan kepada guru tentang

hasil sesuatu seminar dan kursus yang dihadiri iaitu seramai 34.6 peratus mengatakan selalu. Amalan mengadakan bengkel, seminar dan ceramah oleh pengetua sebagai pemimpin penyeliaan bolehlah dikatakan baik kerana 30.8 peratus responden mengatakan pengetua selalu melakukannya. Lain-lain dapatan bagi aspek ini adalah sederhana pada tahap amalan yang kerap dilakukan. Amalan menunjuk cara atau demonstrasi pengajaran kepada guru agak kurang dilakukan oleh pengetua sebagai pemimpin penyeliaan iaitu 7.7 peratus responden mengatakan 'selalu' manakala 65.4 peratus responden mengatakan pengetua 'tidak pernah' melakukannya. Keseluruhannya amalan pengetua bagi mempertingkatkan perkembangan guru adalah sederhana di mana semua aspek di dalam kategori ini dilakukan secara 'kadang-kadang' sahaja.

Jadual 16

Taburan keseluruhan persepsi responden tentang amalan pengetua menyelia bahan pengajaran di sekolah.

	Kekerapan (%)		
	S	KK	TP
Amalan menyelia penyediaan bahan pengajaran di sekolah.	43.0	48.7	8.3

Petunjuk: S=Selalu, KK=Kadang-kadang, TP=Tidak Pernah

Jadual 16 menunjukkan pada keseluruhannya 43.0 peratus responden mengatakan pengetua 'selalu' melakukan amalan menyelia penyediaan bahan pengajaran di sekolah sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran, manakala 48.7 peratus responden pula mengatakan pengetua hanya 'kadang-kadang' sahaja melakukan amalan ini dan 8.3 peratus responden mengatakan pengetua langsung 'tidak pernah' melakukan amalan ini.

Ini menunjukkan amalan menyelia penyediaan bahan pengajaran agak mendapat perhatian daripada pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah ini.

Analisis yang terperinci bagi kategori ini ditunjukkan dalam Jadual 17.

Jadual 17

Taburan kekerapan setiap amalan pengetua dalam menyelia bahan pengajaran di sekolah.

Perkara	Kekerapan (%)		
	S	KK	TP
Menyediakan alat bantu mengajar di sekolah bagi kegunaan guru	19.2	61.6	19.2
Mengenal pasti dan mendapatkan sumber-sumber maklumat mengenai bahan-bahan pengajaran yang diperlukan di sekolah	53.9	46.1	-
Bersama guru menentukan pilihan penggunaan buku teks dan bahan pengajaran dan pembelajaran sekolah	34.6	53.8	11.6
Membantu guru dalam memenuhi keperluan dan kelengkapan yang diperlukan di dalam kelas	38.5	50.0	11.5
Berbincang dengan guru bagi mendapatkan bahan pengajaran yang mencukupi untuk kegunaan sekolah	42.3	50.0	7.7
Menggalakkan guru membuat rujukan dari mana-mana pusat sumber atau perpustakaan	69.2	30.8	-

Petunjuk: S=Selalu, KK=Kadang-kadang, TP=Tidak Pernah

Jadual 17 di atas jelas menunjukkan yang pengetua amat mementingkan amalan menggunakan pusat sumber bagi menyediakan bahan pengajaran. Amalan pengetua yang paling 'selalu' dilakukan dalam penyeliaan pengajaran bagi tujuan penyediaan bahan pengajaran ialah menggalakkan penggunaan pusat sumber. Didapati 69.2 peratus responden mengatakan pengetua 'selalu' melakukan amalan tersebut. Ini diikuti oleh amalan mendapatkan sumber maklumat berhubung dengan bahan-bahan pengajaran

yang diperlukan iaitu 53.9 peratus responden mengatakan pengetua 'selalu' melakukannya. Dapatan lain, ialah pengetua hanya 'kadang-kadang' sahaja menyediakan alat bantu mengajar di sekolah bagi kegunaan guru iaitu 61.6 peratus responden mengatakan demikian.

Agak ramai juga responden mengatakan pengetua tidak pernah bersama guru untuk menentukan pilihan buku rujukan dan bahan pengajaran dan pembelajaran dan juga membantu guru melengkapkan keperluan di dalam kelas iaitu masing-masing 11.6 peratus responden mengatakan demikian.

Secara keseluruhannya didapati amalan pengetua dalam aspek ini agak seimbang bagi kekerapan antara 'selalu' dan 'kadang-kadang'.

### **Tanggapan dan Sikap Responden Terhadap Amalan Pengetua Sebagai Pemimpin Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah:**

Bahagian ini bertujuan untuk melihat dan meninjau tanggapan dan sikap guru terhadap amalan kepimpinan penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh pengetua di sekolah. Responden dikehendaki memberi pandangan mereka berdasarkan kepada 'sangat setuju', 'setuju', 'tidak pasti', 'tidak setuju', atau 'sangat tidak setuju' mengenai amalan kepimpinan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah. Analisis keseluruhan perkara tersebut ditunjukkan seperti dalam Jadual 18.

Jadual 18

Taburan keseluruhan tanggapan dan sikap responden terhadap amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah.

	Kekerapan (%)		
	S	TP	TS
Amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah	35.7	13.2	51.1

Petunjuk: S=Setuju, TP=Tidak Pasti, TS=Tidak Setuju

Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan yang tanggapan dan sikap responden terhadap amalan penyeliaan pengetua agak negatif di mana 51.1 peratus mengatakan 'tidak bersetuju' manakala yang 'bersetuju' ialah 35.7 peratus dan yang 'tidak pasti' pula ialah 13.2 peratus. Analisis terperinci tentang aspek ini ditunjukkan dalam Jadual 19.

### Jadual 19

Taburan kekerapan tanggapan dan sikap responden terhadap amalan penyeliaan pengajaran oleh pengetua sebagai pemimpin penyeliaan di sekolah.

Perkara	Kekerapan (%)		
	S	TP	TS
Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua dapat mempertingkatkan prestasi pengajaran guru	30.8	11.5	57.7
Penyeliaan hanyalah untuk melihat prestasi guru dari semasa ke semasa	42.3	7.7	50.0
Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua bertepatan dengan harapan guru	46.2	11.5	42.3
Pengetua perlu menjalankan penyeliaan ke atas pengajaran semua guru bagi memastikan objektif pengajaran tercapai	23.1	15.4	61.5
Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua di dalam kelas <b>TIDAK</b> menyebabkan guru merasa cemas dan <b>TIDAK</b> mengganggu pengajaran guru	42.3	3.8	53.9
Pengetua tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan profesional yang cukup untuk menjalankan tugas-tugas penyeliaan pengajaran di sekolah	30.8	23.1	46.1
Penyeliaan pengajaran oleh Pengetua di dalam kelas <b>BUKAN</b> bertujuan mencari kelemahan dan kesalahan guru semata-mata	34.6	19.2	46.2

Petunjuk: S=Setuju, TP=Tidak Pasti, TS=Tidak Setuju

Jadual 19 di atas menunjukkan sebahagian besar responden bersikap tidak setuju dengan kebanyakan amalan penyeliaan yang dijalankan oleh pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah. Paling ramai responden iaitu 61.5 peratus tidak bersetuju pengetua perlu menjalankan penyeliaan ke atas pengajaran semua guru bagi memastikan objektif pengajaran tercapai. Sebaliknya, paling ramai bersetuju penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh pengetua perlu menepati hasrat mereka iaitu 46.2 peratus responden. Kenyataan ini telah pun dinyatakan oleh sumber-sumber

yang dikumpul secara kualitatif sebelum ini. Didapati juga agak ramai yang mengatakan tidak bersetuju bahawa penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh pengetua dapat mempertingkatkan prestasi pengajaran guru. Jika ini berlaku maka matlamat penyeliaan pengajaran ini sudah pun gagal dicapai oleh pengetua sebagai pemimpin penyeliaan di sekolah.

Dapatan yang lain menunjukkan bilangan responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan dalam kategori ini sentiasa mengatasi bilangan responden yang bersetuju.

### **Kecenderungan dan Kepercayaan Pengetua Dalam Amalan Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah:**

Bahagian ini bertujuan untuk melihat kecenderungan dan kepercayaan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah terhadap amalan penyeliaan pengajaran sama ada beroperasi di atas landasan birokratik, autokratik, demokratik atau kolaboratif. Hanya pengetua sahaja sebagai responden bagi melengkapi bahagian soal selidik ini. Responden hanya perlu menjawab 'benar' atau 'salah' kepada kenyataan-kenyataan yang diberikan. Analisis yang menunjukkan dapatan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 20.

Jadual 20

Bilangan jawapan responden mengikut kumpulan kecenderungan.

Kumpulan kecenderungan	Kekerapan Bilangan Jawapan
Birokratik dan autokratik (A)	23 (57.5%)
Demokratik dan kolaboratif (B)	17(42.5%)

Jadual 20 di atas jelas menunjukkan bahawa responden lebih cenderung untuk memilih cara pendekatan penyeliaan pengajaran ke arah birokratik dan autokratik. Dapatan

menunjukkan 23 (57.5 peratus) jawapan atau kenyataan yang dipilih oleh responden menggambarkan kepercayaan dan kecenderungan responden ke arah itu. Pola ini juga disokong dengan maklumat dan dapatan kuantitatif yang juga menunjukkan demikian. Sebaliknya, hanya 17 (42.5 peratus) jawapan atau kenyataan yang dipilih yang menunjukkan responden cenderung atau percaya dengan pendekatan penyeliaan pengajaran yang demokratik dan kolaboratif. Oleh itu, terdapat pemberatan ke arah birokratik dan autokratik. Amalan penyeliaan pengajaran secara birokratik dan autokratik ini berkonsepkan amalan yang percaya bahawa guru itu tidak cekap dan tidak dapat mempertingkatkan kemahiran mereka sendiri. Mereka amat memerlukan bantuan dan bimbingan. Di sinilah timbul kepercayaan bahawa penyelia itu lebih pakar dan berpengetahuan daripada guru yang diselia. Penyelia jenis birokratik dan autokratik juga percaya bahawa guru itu sentiasa memerlukan pertolongan. Oleh itu, timbul persoalan tentang apakah pengajaran guru itu sentiasa tidak betul atau salah. Akhir sekali, kepercayaan seseorang penyelia jenis ini menganggap bahawa hanya penyelia sahaja agen perubahan di sekolah dan bukannya guru-guru.

Kesimpulannya kepercayaan dan kecenderungan ini amat mempengaruhi amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah seperti dapatan yang telah ditunjukkan sebelum ini.